

LAPORAN TAHUNAN YAYASAN IKHLAS 2013



YAYASAN IKHLAS
Peduli & Prihatin
(PPAB-09/2009)



Pengenalan & Objektif	03
.....	
Misi & Visi	03
.....	
Ucapan Pengerusi	04
.....	
Ahli Lembaga Pengarah	04
.....	
Teras Utama	05
.....	
Berita Yayasan	06
.....	
Aktiviti Program Inisiatif	08
.....	
Program Inisiatif	10
.....	
Laporan Kewangan	12

PENGENALAN

Yayasan Ikhlas adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (AKTA 258) pada 5 Mac 2009.

Penubuhannya adalah atas dasar keprihatinan untuk membantu dan meningkatkan budaya hidup dan jati diri masyarakat Malaysia terutamanya orang Melayu Islam supaya sentiasa merasa izzah (mulia) dengan apa yang dianugerahkan oleh Allah SWT.

Sebagai organisasi yang tidak mementingkan keuntungan, Yayasan Ikhlas akan memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya kepada aktiviti pembangunan kepimpinan, keusahawanan dan menjalankan kajian yang berkaitan dengan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat antarabangsa amnya.

OBJEKTIF

- ◆ Untuk meringankan kesusahan di kalangan anak-anak yatim, orang kurang upaya, faqir dan mereka yang dilanda musibah akibat daripada sebarang malapetaka.
- ◆ Untuk mengadakan & memberi suatu biasiswa atau insentif kepada individu atau kumpulan atau kerja-kerja penyelidikan di Malaysia.
- ◆ Untuk memelihara dan memajukan kebudayaan dan taraf hidup sosial orang-orang Melayu dan umat Islam.

MISI

Melaksanakan tanggungjawab kemanusiaan melalui pendidikan, penyelidikan, dakwah, kebajikan dan kemasyarakatan.



VISI

Menjadi sebuah yayasan di peringkat global yang memberikan perkhidmatan kemasyarakatan menjelang 2030.

UCAPAN PENERUSI

Sejak diasaskan pada tahun 2009, Yayasan Ikhlas (YI) telah melangkah lebih jauh untuk membantu masyarakat yang memerlukan, terutama dalam mengupayakan mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran kehidupan. Melalui produk-produk YI tumpuan bantuan bermula dari seawal umur 2 tahun hinggalah kepada yang berumur 70an dan 80an.

Sesuai dengan moto YI iaitu Peduli dan Prihatin, anak yang berumur 2 tahun telah diambil peduli oleh YI melalui program Raudhatul Huffaz dan seterusnya prihatin dengan warga emas yang terlantar melalui penubuhan Darul Insyriah. Kejayaan produk-produk YI adalah bergantung kepada sumbangan para dermawan yang sesungguhnya telah



**Hj. Siti Nadzrah
binti Sheh Omar**
Jawatankuasa Eksekutif



**Hjh. Asral Widad
binti Ahmad Asnawi**
Jawatankuasa Eksekutif



Hj. Zaim bin Shaari
Jawatankuasa Eksekutif

Hj. Khalid bin Zakaria
Jawatankuasa Eksekutif

**Dato Mohd Rosli
bin Ramli**
Pengerusi

dapat disalurkan melalui para petugas dan sukarelawan YI yang mengambilnya sebagai amanah dan tanggungjawab kepada Allah SWT.

Saya memohon dan merayu kepada dermawan yang ada di luar sana untuk sama-sama kita memberi, kerana sesungguhnya hati dan jiwa kita akan merasa tenang dan bahagian apabila kita dapat memberi kepada yang memerlukan.

Kepedulian dan keprihatinan para dermawan, YI ambil sebagai amanah yang wajib dilaksanakan. Terima kasih.



Ridzwan bin Shoib
Jawatankuasa Eksekutif



TERAS UTAMA

PENDIDIKAN

- Program Jom Ke Sekolah
- Biasiswa Khas
- Bantuan Am Pelajaran
- Motivasi / Seminar Akademik
- Bantuan Penyelidikan

DAKWAH

- Program Bersama Agensi Kerajaan & NGO
- Bantuan Aktiviti Hari Kebesaran Islam
- Dakwah Mualaf (Program Orang Asal/ Bumiputera)

KEBAJIKAN & KEMANUSIAAN

- Bantuan Kemanusiaan (Banjir, kebakaran, Kemalangan)
- Bantuan kepada orang faqir & miskin
- Bantuan makanan
- Bantuan perubatan
- Dermaisiswa

PENYELIDIKAN

- Ziarah Ukhuwwah
- Sukarelawan
- Bantuan Kepada Institusi/ NGO/ OKU
- Bantuan Masjid / Surau / Sekolah dan Pusat-pusat kemasyarakatan

BERITA YAYASAN IKHLAS



PELANCARAN UNCANG DAKWAH MUALLAF

Bandar Baru Bangi, 10 Jan – Satu majlis pelancaran Uncang Dakwah Muallaf telah diadakan di Pejabat Yayasan Ikhlas di sini, hari ini. Program inisiatif Yayasan Ikhlas di bawah Program Dakwah Muallaf ini telah memberi fokus yang besar kepada muallaf dalam menjaga kebajikan dan kelangsungan dakwah kepada mereka. Program ini telah dirasmikan oleh Pemegang Amanah Yayasan Ikhlas, En. Khalid bin Zakaria.

Yayasan Ikhlas telah mengedarkan 100 beg uncang kepada Muallaf termasuk di Sabah dan Sarawak. Yayasan Ikhlas menerima sumbangan orang ramai dalam bentuk barangan seperti telekung, kain pelikat, Quran terjemahan, muqaddam dan tudung untuk diisi di dalam uncang tersebut.



YAYASAN IKHLAS SAMBUT 74 ORANG SAUDARA BARU DI PITAS, SABAH

Pitas, 1 Jan – Seramai 74 orang penduduk daerah Pitas telah memeluk agama Islam dalam sebuah majlis pengislaman beramai-ramai anjuran bersama Yayasan Ikhlas dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah di Masjid Al-Amin siang tadi.

Kesemua mereka yang merupakan suku kaum Dusun Kimaragang tinggal di Kampung Dowokon, Kampung Maliau, Kampung Sosop dan Kampung Kobon yang terletak jauh dari bandar Pitas.

Sukarelawan Yayasan Ikhlas, Ustaz Sarip Adul berkata, majlis pengislaman ini bermula dengan inisiatif pendakwah tempatan yang telah berdakwah kepada masyarakat setempat lalu meminta bantuan pihaknya untuk menguruskan majlis pengislaman beramai-ramai.



SUKARELAWAN TEAM IKHLAS MEMBANTU MANGSA BANJIR PANTAI TIMUR

Kuantan, 1 Dis – Banjir besar yang melanda Pantai Timur pada awal Disember 2013 telah mendapat bantuan dan perhatian Yayasan Ikhlas Bangi.

Dalam mencapai objektif untuk meringankan kesusahan mereka yang ditimpa musibah di negara ini, Yayasan Ikhlas telah bertindak menghantar bantuan kepada mangsa-mangsa banjir Pantai Timur pada awal Disember lalu dengan menempatkan sukarelawan team ikhlas dalam membantu mangsa-mangsa banjir tersebut.

Pelbagai barangan bantuan seberat 18 tan diterima daripada penduduk Bandar Baru Bangi, Gombak dan Shah Alam turut dikumpul dan diagihkan sepanjang misi ini.



KUNJUNGAN YAYASAN YATIM PIATU RAUDHAH ACEH KE MALAYSIA

Jakarta, 26 Dis – Anak-anak yatim yayasan tahfidhul Qur'an ar raudhah yang berasal dari Blang Weu Panjoun Lhoukseumawe, Nangroe Aceh Darussalam melakukan kunjungan ke Malaysia pada Selasa (24/12). Acara ini diikuti oleh 32 anak yatim dan ditemani oleh dua orang pengasuh. Mereka diberangkatkan dari Bandara Sultan Iskandar Muda Aceh menuju Kuala Lumpur.

Lawatan ini diharapkan memperluas cakrawala berpikir dan mengubah pola pikir anak-anak yatim bahwa tinggal di pondok bukan penjara suci yang dipaksakan oleh orang tua mereka.



BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI KENINGAU, SABAH

Kinabalu, 17 Jan – Yayasan Ikhlas dengan kerjasama Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) Sabah dan Muslim Care telah 'turun padang' ke Keningau, Sabah menghulurkan bantuan kepada keluarga yang terlibat dengan bencana banjir baru-baru ini.

Sukarelawan Yayasan Ikhlas seramai 9 orang telah menempuh perjalanan sejauh 140km dari Kota Kinabalu ke kawasan pedalaman Sabah sekitar Keningau bagi menyalurkan bantuan berupa keperluan-keperluan asas seperti makanan kepada lebih 94 keluarga atau lebih 200 orang mangsa banjir pada 2 tempat penempatan sementara yang berbeza.

Bantuan disampaikan di penempatan sementara di Surau Pagalungan Ansip dan Dewan Serbaguna Kampung Pembulu.



KORBAN ACEH

Acheh, 17 Okt – Yayasan Ikhlas dengan kerjasama Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dan Yayasan Raudhah telah menyumbangkan 30 ekor lembu sempena Hari Raya Korban baru-baru ini.

Daging-daging korban telah diagihkan kepada fakir miskin di sekitar Pondok Yatim Ar-Raudhah di Kampung Blang Weu Panjoun, Lhoukseumawe.

Ahli rombongan turut di bawa ke perkampungan tersebut untuk menyerahkan daging korban serta untuk menyelami dan menginsafi penderitaan serta kedhaifan keluarga miskin di Aceh.

AKTIVITI PROGRAM INISIATIF



DARUL INSYIRAH

- ◆ Membangunkan rumah penjagaan orang tua Islam yang dapat menyediakan kemudahan yang selesa.
- ◆ Melaksanakan program pendidikan yang dapat meningkatkan maruah, harga diri & kualiti hidup warga emas.
- ◆ Menjalinkan kerjasama dengan masyarakat & individu bagi memajukan potensi warga emas agar mereka terus aktif & produktif.



RAUDHATUL HUFFAZ

- ◆ Menyubur dan menyemarakkan budaya menghafaz al-Quran.
- ◆ Menanam sifat cintakan al-Quran di kalangan generasi muda.
- ◆ Membentuk pemimpin generasi hadapan yang menghafal al-Quran dan hadith.



DAKWAH MUALLAF

DAKWAH MUALLAF

- ◆ MengIslamkan masyarakat orang asal, Sabah dan Sarawak.
- ◆ Menyediakan pendidikan kepada para muallaf.
- ◆ Membantu sumbangan peralatan ibadah dan kewangan.



TEAM IKHLAS

- ◆ MengIslamkan masyarakat orang asal, Sabah dan Sarawak.
- ◆ Menyediakan pendidikan kepada para muallaf.
- ◆ Membantu sumbangan peralatan ibadah dan kewangan.



TABUNG PENDIDIKAN

- ◆ Menggalakan kanak-kanak mengembangkan minda dan potensi inovasi yang pada diri mereka.
- ◆ Menjana dana bagi melaksanakan projek-projek Yayasan Ikhlas.



**PONDOK YATIM
AR-RAUDHAH**
BLANG WEU PANJOE - ACEH

PONDOK YATIM AR-RAUDHAH

- ◆ Membantu anak-anak Yatim di Aceh.
- ◆ Menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anak yatim.
- ◆ Membantu sumbangan kewangan.



QURBAN & AQIQAH

- ◆ Untuk merasai suasana hari kebesaran Islam.
- ◆ Untuk membantu masyarakat Islam tidak dapat merasai makanan daripada daging kecuali apabila dilaksanakan ibadah korban .
- ◆ Untuk memberi peluang kepada umat Islam yang berkemampuan menolong umat Islam yang berada dalam kekurangan.



I-SEDEQAH

- ◆ Menyalurkan bantuan kemanusiaan seperti mangsa banjir, kebakaran dan kemalangan.
- ◆ Membantu golongan faqir dan miskin.
- ◆ Memberi bantuan makanan dan perubatan kepada golongan yang memerlukan.



I-BACKYARD SCIENCE

- ◆ Mendedahkan kebesaran Allah melalui sains dan teknologi.
- ◆ Mendidik kanak-kanak mencintai kebesaran Allah SWT.
- ◆ Mendedah kanak-kanak kepada inovasi dan kreativiti.



PROGRAM INISIATIF



DARUL INSYIRAH

Pusat jagaan dan pendidikan warga emas Darul Insyirah



KELAB RAUDHATUL HUFFAZ

Menyubur dan menyemarakkan budaya menghafaz al-Quran

DAKWAH MUALLAF

DAKWAH MUALLAF

Inisiatif membantu penyaluran zakat kepada golongan muallaf



TEAM IKHLAS

Mengumpul sukarelawan dari pelbagai bidang & kemahiran

TABUNG PENDIDIKAN YAYASAN IKHLAS

TABUNG PENDIDIKAN YAYASAN IKHLAS

Geran penyelidikan, biasiswa dan bantuan peralatan pengajaran & pembelajaran

PONDOK YATIM AR-RAUDHAH BLANG WEU PANJOE - ACEH

PONDOK YATIM AR-RAUDHAH

Projek rumah anak yatim di Aceh kerjasama dengan Yayasan Raudhah



QURBAN & AQIQAH

Projek qurban & aqiqah di Aceh, Sabah & Sarawak



I-SEDEQAQ

Menerima kutipan; Infaq, wakaf & zakat dividen tidak bersih



I-BACKYARD SCIENCE

Siri eksperimen luar bagi membawa kanak-kanak memahami Islam dari sudut sains

AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2013

SUMBER PENDAPATAN	RM
Hibah Bank	341
Jualan Set Binaan Aisyah & Printis	30,233
Kutipan Banjir Pantai Timur	62,646
Kutipan Korban dan Aqiqah	33,750
Sumbangan Rumah Warga Emas DI	8,640
Tabung Wang Amanah Yayasan	194,782
Wakaf Bangunan	2,485
JUMLAH PENDAPATAN	332, 877
PERBELANJAAN	RM
Alat Tulis	701
Belian Barangan Set Binaan Aisyah & Printis	21,150
Bayaran Penceramah	440
Belanja Dakwah Muallaf	5,500
Belanja Pejabat	3,329
Belanja Perubatan	40
Belanja Projek Banjir Pantai Timur	22,627
Belanja Projek Korban dan Aqiqah	33,750
Biaya Aktiviti Pameran Yayasan Ikhlas	2,423
Biaya Aktiviti Berkhatan Sabah	1,000
Bil Air	61
Bil Elektrik	417
Bil Telekom	584
Caj Bank	13
Gaji dan Elaun Kakitangan	7,896
Iklan & Promosi	3,627
Kelengkapan Rumah Warga Emas DI	14,836
Percetakan	3,080
Perjalanan Antarabangsa	3,337
Perjalanan Domestik	208
Sewa Rumah Darul Insyirah	29,500
Sumbangan Anak Yatim Ar-Raudah Aceh	1,500
Tajaan Program	1,000
JUMLAH PERBELANJAAN	157, 020
JUMLAH BAKI TUNAI	175, 857
Tunai Di Bank CIMB pada 2012	47,719
Tunai Di Bank CIMB pada 2013	127,273
Tunai di Tangan	865
JUMLAH BAKI TUNAI	175, 857

INCOME STATEMENT

As at 31st December 2013

	2012 RM	2013 RM
Revenue	237,099	-
Cost of Sales	(88,260)	-
Gross Profit	148,839	-
Other Income	341	306
Total Income	149,180	306
Administrative Expenses	(58,095)	(1,750)
Profit from Operations	91,085	(1,444)
Finance Cost	(13)	-
Profit Before Taxation	91,072	(1,444)
Taxation	-	-
Net Profit After Taxation	91,072	1,444

CASH FLOW STATEMENT

For the Year Ended 31 December 2013

	2012 RM	2013 RM
CASH FLOW FROM OPERATING ACTIVITIES		
Profit / (Loss) Before Taxation	91,072	-1,444
ADJUSTMENT FOR :		
Depreciation	1,484	-
Operating Profit / (Loss) Before Working Capital Changes	92,556	-1,444
CHANGES IN WORKING CAPITAL		
Payables	2,700	-
Cash generated from / (used in) operations	95,256	-1,444
Tax paid	-	-
Net Cash Generated From / (Used In) Operating Activities	95,256	-1,444
CASH FLOW FROM INVESTING ACTIVITIES		
Purchase of property, plant and equipments	-14,836	-
Net Cash Used In Investing Activities	-14,836	-
CASH FLOW FROM FINANCING ACTIVITIES		
Trustees account	-	38,080
Net Cash Generated From Financing Activities	-	38,080
NET INCREASE IN CASH AND CASH EQUIVALENTS	80,420	36,636
CASH AND CASH EQUIVALENTS BROUGHT FORWARD	47,719	11,083
CASH AND CASH EQUIVALENTS CARRIED FORWARD	128,139	47,719

YAYASAN IKHLAS

No 4, Jalan 3/6, Seksyen 3,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

tel/faks +6 03 8920 9661
email yayasanikhlas2009@gmail.com
web www.yayasanikhlas.org.my
fb fb.com/YayasanIkhlasMalaysia

SUMBANGAN ANDA BOLEH
DISALURKAN KE AKAUN

 **CIMB ISLAMIC
YAYASAN IKHLAS**

8600 601 366

